



KERATAN AKHBAR



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
NO. 20 JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA

AKHBAR	SUBJEK	TARIKH
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN <input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA <input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO <input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES <input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> KAHWIN & CERAI <input type="checkbox"/> TUNTUTAN <input type="checkbox"/> AKIDAH <input type="checkbox"/> JENAYAH SYARIAH <input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI	8 / / / 2023
CATATAN		

Johor Bahru: Kerajaan Johor mengarahkan bacaan Qunut Nazilah dilaksanakan secara tetap di dalam setiap solat fardu di semua masjid dan surau di negeri ini, bermula kelmarin.

Pengerusi Hal Ehwal Agama Islam Johor, Mohd Fared Mohd Khalid (**gambar**), berkata, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) sudah mengeluarkan arahan kepada semua masjid dan surau negeri ini sebagai usaha memohon kepada Allah SWT supaya memberi kemenangan kepada perjuangan rakyat Palestin yang ditindas.

"Akibat kemudarat dan kesulitan peperangan khususnya kepada saudara Islam kita iaitu rakyat Palestin, Kerajaan Johor mengarahkan supaya bacaan Qunut Nazilah dilaksanakan secara tetap setiap kali solat fardu di semua masjid dan surau di Johor.

"Solat sunat hajat juga ditetapkan bagi dilaksana-

Laksana Qunut Nazilah secara tetap di Johor



kan oleh masjid dan surau di Johor pada setiap selepas solat fardu Maghrib.

"Semoga usaha ini akan melorongkan pertolongan Allah SWT bagi keamanan yang berpanjangan kepada umat Islam di Palestin," katanya semalam.

Angka kematian akibat pengeboman Israel di Semenanjung Gaza meningkat kepada 10,000, dengan lebih separuh daripada mereka wanita dan kanak-kanak, menurut pejabat media kerajaan di Semenanjung Gaza.

Serangan rejim Zionis

Israel dilaporkan membawa kepada kemasuhan 55 masjid, tiga universiti, tiga gereja dan lima bangunan milik Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Agama di Gaza.

Kerugian dalam sektor penjagaan kesihatan di Gaza pula membabitkan 16 hospital, 32 pusat penjagaan primer dan 27 ambulans yang rosak, sebagai tambahan kepada 105 institusi perubatan.

13 Oktober lalu, Kerajaan Johor mengarahkan semua masjid dan surau di negeri ini mengadakan solat hajat dan membaca Qunut Nazilah bagi mendoaan kesejahteraan dan keselamatan umat Islam di Palestin.

Kerajaan Johor dilaporkan mengutuk sekeras-kerasnya serangan rejim Zionis terhadap rakyat dan tanah Palestin.